

Bayi lahir di Malaysia bukan penentu taraf kewarganegaraan

Berita HARIAN (06/06/2021) AHS 10



Dr Nor Hafizah Mohd Badrol Afandi
bhrencana@bh.com.my

Istilah warganegara merujuk kepada rakyat sesebuah negara terdiri daripada penduduk asli tempatan ataupun orang asing diterima menjadi rakyat mengikut undang-undang.

Sejak kebelakangan ini, isu kewarganegaraan kanak-kanak dilahirkan di negara ini hangat dibincangkan. Dalam hal ini, semua pihak harus memahami kedudukan kanak-kanak dilahirkan di negara ini di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Seperti ditegaskan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin, kelahiran di negara ini tidak membolehkan seseorang individu memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik.

Dalam membincangkan isu kewarganegaraan kanak-kanak, beberapa persoalan timbul mengenai status kewarganegaraan bagi beberapa kategori kanak-kanak.

Ini membabitkan kategori seperti anak tidak sah taraf, anak angkat, anak dilahirkan di luar negara daripada perkahwinan antarabangsa dan kanak-kanak terbiar tanpa identiti.

Kewarganegaraan seseorang individu tidak ditentukan berdasarkan faktor kelahiran kanak-kanak itu di negara ini semata-mata, sebaliknya ia turut mengambil kira status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung ketika kelahiran berlaku.

Hal ini selaras peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan serta perundangan berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahataran anak dan peraturan imigresen.

akan mengesahkan taraf anak itu daripada tarikh perkahwinan, namun ia tidak boleh digunakan untuk menentukan status kanak-kanak itu sebagai warganegara Malaysia.

Bagi status anak angkat di negara ini, ibu bapa angkatnya perlu membuktikan tempat lahir kanak-kanak berkenaan dan status kewarganegaraan ibu bapa kandungnya yang juga rakyat negara ini.

Dalam mengatasi masalah kanak-kanak terbabit, ibu bapa dan penjaga kepada individu yang ber taraf anak tanpa kad pengenalan atau individu yang belum ditentukan kewarganegaraan dan ditaraf, perlu mengemukakan dokumen sah kepada kerajaan melalui peruntukan Perkara 15(2) atau 15A Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan membuat perancangan untuk memu-

“Kewarganegaraan seseorang individu tidak ditentukan berdasarkan faktor kelahiran kanak-kanak itu di negara ini semata-mata, sebaliknya ia turut mengambil kira status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung ketika kelahiran berlaku”

dahkan proses mendapatkan status kewarganegaraan untuk anak berkenaan bagi menangani isu itu secara cepat dan holistik.

Ini dinyatakan sendiri Hamzah bahawa kementerianya menambah baik prosedur operasi standard (SOP) Permohonan Kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan dengan tempoh pemprosesan lebih singkat bagi permohonan lengkap yang diterima mulai tahun lalu.

Beliau menegaskan penambahbaikan SOP berkenaan berdasarkan pematuhan syarat di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan Kewarganegaraan Malaysia 1964.

Ia juga, kata Hamzah, mengambil kira pelbagai aspek termasuk kebajikan pemohon tanpa mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan warga negara sedia ada.

Bagi kanak-kanak dilahirkan di luar negara daripada perkahwinan antarabangsa yang sah, terdapat diskriminasi gender apabila Perlembagaan Persekutuan di bawah seksyen 1(c) Bahagian II Jadual Kedua hanya membenarkan bapa warga negara Malaysia untuk mendaftar kelahiran anaknya di pejabat Kedutaan Malaysia di negara berkenaan, walaupun ibunya bukan warganegara.

Bagaimanapun hak sama tidak diberikan di bawah peruntukan itu kepada ibu warganegara untuk mendaftar kelahiran anaknya, jika bapanya bukan warganegara.

Disarankan, perkara ini harus diperhalusi dan diambil perhatian kementerian terbabit dengan memberi jalan penyelesaian terbaik supaya hak wanita warganegara terhadap pendaftaran kelahiran anak mereka juga terpelihara.

Oleh itu, jelaslah di sini kelahiran seseorang kanak-kanak di negara ini bukan penentu kewarganegaraan Malaysia kerana pemberian kewarganegaraan adalah anugerah tertinggi kerajaan dan hak eksklusif tidak ditawarkan serta diberikan se-wenang-wenangnya.

tingresen.

Bagi kanak-kanak yang memperoleh kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang di bawah Perkara 14 Perlembagaan Persekutuan, mereka tidak menghadapi masalah dengan syarat kelahiran berlaku di negara ini.

Selain itu, salah seorang daripada ibu bapanya juga disyaratkan warganegara atau pemastautin tetap, manakala perkahwinan ibu bapa juga adalah sah.

Namun bagi anak tidak sah taraf, kewarganegaraannya ditentukan kewarganegaraan ibu dan bukan bapanya. Hal ini termaktub di bawah Seksyen 17 Jadual II Bahagian III Perlembagaan Persekutuan.

Kedudukan ini jelas apabila Mahkamah Persekutuan dalam penghakimannya baru-baru ini memutuskan seorang kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun yang juga anak kepada seorang lelaki warga tempatan dan ibunya warga Filipina, tidak berhak mendapat kewarganegaraan Malaysia.

Rayuan bapanya itu ditolak Mahkamah Persekutuan kerana anak lelaki itu lahir di luar perkahwinan dan ibu bapanya hanya berkahwin lima bulan kemudian.

Mengikut Seksyen 4 Akta Kesahtarafan 1961 yang perkahwinan ibu bapa berikutnya hanya



Taraf kewarganegaraan bayi yang dilahirkan di negara ini ditentukan bawah Perlembagaan Persekutuan. (Foto hiasan)